

## UEM Edgenta Optimis Terhadap Pertumbuhan Jangka Panjang Melalui Kemampanan Penyelesaian Inovatif Digital

- Visi 'Edgenta of the Future 2025' Syarikat membina momentum untuk pelancaran penyelesaian digital melalui kepelbagaian portfolio, penyelesaian teknologi dan pengembangan serantau dalam pertumbuhan pasaran baharu yang tinggi.
- Penyelesaian digital untuk menerajui pertumbuhan jangka panjang dalam memacu penyelesaian penjagaan kesihatan yang mampan bukan sahaja dalam menguruskan usaha pemulihan semasa, tetapi juga untuk cabaran masa hadapan.
- Pertumbuhan prestasi kewangan adalah bukti usaha berhemat Syarikat dan berdaya tahan sebagai asas perniagaan meskipun menghadapi cabaran jangka pendek.

**KUALA LUMPUR, 1 September** – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Penyelesaian Pengurusan Aset dan Infrastruktur terkemuka di rantau ini telah mengumumkan keputusan kewangan separuh pertama TK2021 dengan keuntungan bersih dinormalisasi sebanyak RM16.7 juta, daripada pendapatan sebanyak RM1.0 bilion.

Keputusan kewangan tersebut telah dibincangkan dalam sesi taklimat secara maya yang diadakan awal hari ini, diketuai oleh Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat, Syahrudin Samsudin, bersama Hillary Chua, Ketua Pegawai Kewangan dan Rais Imran, Ketua Pegawai Strategi, yang turut berkongsi prospek pertumbuhan UEM Edgenta bagi separuh kedua tahun ini.

"Kami akan terus memberi tumpuan kepada pelancaran penyelesaian digital kami, terutamanya dalam menjana kemampanan di seluruh perniagaan kami, walaupun dalam persekitaran operasi yang mencabar, kekangan dan kawalan pergerakan berikutan pandemik. Kami komited dalam mengurus dan mengembangkan operasi masing-masing merentasi pelbagai industri yang dipacu oleh visi 'Edgenta of the Future 2025' ("EoTF25") dalam meneroka pasaran baharu dengan penyelesaian inovatif dan teknologi yang diterajui oleh Edgenta NXT, platform ekosistem digital pertama kami, serta memperluaskan penawaran perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan kami termasuk QuickMed, penyelesaian penjagaan kesihatan digital pertama berasaskan awan. Janji kami untuk terus menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan akan kami tunaikan, sambil kami memperkukuhkan kehadiran kami dan terus berusaha mencari peluang dan pelaburan yang berpotensi untuk pertumbuhan perniagaan," kata Syahrudin.

### Prestasi Perniagaan Separuh Pertama TK2021

Bagi separuh pertama TK2021, bahagian **Healthcare Support** Syarikat melaporkan pertumbuhan pendapatan tahun ke tahun sebanyak 14.1%, yang disokong oleh perolehan untuk pengoperasian kontrak utama di Singapura dan Taiwan, serta kerja-kerja tambahan untuk perniagaan konsesi di Malaysia yang lebih tinggi. Bahagian ini merekodkan pendapatan masing-masing sebanyak RM645.0 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM37.1 juta bagi separuh pertama TK2021,

berbanding RM565.4 juta dan RM27.6 juta pada separuh pertama TK2020. Pendapatan yang direkodkan pada suku kedua TK2021 meningkat kepada RM335.5 juta dengan keuntungan sebelum cukai direkodkan sebanyak RM17.3 juta bagi suku kedua TK2021. Bahagian ini terus mencari peluang-peluang baharu di Singapura dan Taiwan secara proaktif dengan kemenangan kontrak baru-baru ini dalam penyediaan perkhidmatan sokongan hospital di Singapura dan Taiwan, termasuk Hospital Alexandra dan Hospital Tan Tock Seng di Singapura; Hospital Kristian Taitung, Hospital Wei Gong, Hospital Universiti Kebangsaan Taiwan Kampus Timur dan Hospital Cheng Ching Ben Tang di Taiwan selain kontrak Unit Rawatan Rapi Hibrid di Lapangan untuk lapan hospital di seluruh Malaysia.

Dengan persekitaran operasi yang terus mencabar, bahagian **Property and Facility Solutions** ("PFS") mencatatkan pendapatan sebanyak RM78.5 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM11.2 juta bagi separuh pertama TK2021. Pada suku kedua TK2021, bahagian ini merekodkan pendapatan yang lebih rendah dan keuntungan sebelum cukai suku ke suku masing-masing kepada RM35.9 juta dan RM3.4 juta, berikutan sekatan pergerakan dan persekitaran kerja yang mencabar. Dengan pengenalan sistem *Smart Facilities Management* dan meletakkannya sebagai produk utama, bahagian ini yakin ia mampu untuk terlibat dalam lebih banyak projek di kawasan komersial bernilai tinggi, serta bangunan perindustrian. Melalui penglibatan Syarikat ke pasaran Arab Saudi pada bulan April 2021, bahagian ini juga akan berusaha untuk memanfaatkan kehadirannya di Dubai bagi memperkukuhkan kedudukannya di rantau *Gulf Cooperation Council* ("GCC").

Bagi perniagaan serantau, PFS turut secara aktif mencari peluang baharu untuk berkembang ke perkhidmatan yang mempunyai nilai tambahan lebih tinggi dalam pasaran sedia ada di Singapura dan Taiwan, selain berkembang ke pasaran pertumbuhan tinggi baharu seperti Arab Saudi dan negara-negara GCC yang lain. Di Arab Saudi, Syarikat sedang dalam usaha untuk menggabungkan syarikat usaha sama dengan rakan kongsi tempatan yang telah memeterai Memorandum Eksplorasi Perniagaan sebelum ini. Syarikat gabungan tersebut akan menasaskan projek besar dalam sektor Perkhidmatan Sokongan Hospital dan Pengurusan Fasilitas Bersepadu di rantau ini.

Untuk baki tahunan TK2021, segmen Pengurusan Aset yang diketuai oleh bahagian Healthcare Support komited untuk meneruskan kontrak sedia ada di samping mempelbagaikan penyelesaiannya di luar perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan tradisional dalam menyokong memacu usaha pemulihan pasca pandemik negara.

Bahagian **Infrastructure Services** merekodkan pendapatan sebanyak RM250.8 juta dan RM17.7 juta bagi keuntungan sebelum cukai bagi separuh pertama TK2021 berbanding RM268.2 juta dan RM32.9 juta masing-masing pada separuh pertama TK2020 kesan daripada pengurangan kerja-kerja penyelenggaraan akibat daripada pengurangan kenderaan di lebuh raya, pesanan kerja lebuh raya yang lebih rendah dan penangguhan projek infrastruktur bernilai tinggi. Bagi suku kedua TK2021, bahagian ini merekodkan RM11.6 juta dalam keuntungan sebelum cukai berdasarkan pendapatan

sebanyak RM141.5 juta. Ini mewakili peningkatan masing-masing sebanyak 90.2% dan 29.5% berbanding suku sebelumnya. Bahagian ini akan terus melaksanakan kerja-kerja sedia ada dan meneruskan kecemerlangan operasi untuk melindungi margin keuntungan bahagian.

Bahagian **Asset Consultancy** Syarikat, yang diwakili oleh Opus Consultants, merekodkan pendapatan sebanyak RM39.9 juta pada separuh pertama TK2021 berbanding RM47.0 juta pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Penurunan pendapatan ini disebabkan terutamanya oleh kelewatan dan penangguhan projek-projek semasa disebabkan oleh pandemik. Bahagian ini mencatatkan pendapatan sebanyak RM20.3 juta pada suku kedua TK2021 dan kerugian sebelum cukai sebanyak RM7.9 juta. Dengan kadar vaksinasi berjalan lancar dan kawalan pergerakan yang berkesan, penambahbaikan secara beransur-ansur diunjurkan bagi kedua-dua bahagian Infrastructure Services dan Asset Consultancy menjelang akhir suku ketiga TK2021.

### **Tinjauan Tahun 2021**

Sebagai sebahagian daripada strategi kepelbagaian pendapatannya, Syarikat telah mengenal pasti tiga asas utama – pengembangan kehadirannya dan memperkukuhkan asas penyelesaiannya, mengekstrak nilai daripada perniagaan teras dan penambahbaikan produk serta penyelesaian berteraskan teknologi - untuk menjadikan UEM Edgenta sebagai syarikat penyelesaian berteknologi tinggi dengan fokus utama dalam penjagaan kesihatan menjelang 2025.

#### ▪ **Pelancaran Keupayaan Digital UEM Edgenta yang Menyeluruh**

Ekosistem digital Edgenta NXT yang dilancarkan baru-baru ini dijangka menjadi pemacu pertumbuhan Syarikat dalam perniagaan teknologi, sebagai sebahagian daripada visi EoTF25. Edgenta NXT akan menjadikan penyelesaian UEM Edgenta yang tersedia kepada harta intelek teknologi dan memperkenalkan penyelesaian model berasaskan awan serta *Software-as-a-Service* ("SaaS") daripada penyelesaian menyeluruh yang sedia ada, termasuk QuickMed, Smart Building, Smart Asset Management, Smart Project Management dan Smart Roadways, dengan sokongan daripada rakan perniagaan berasaskan awan Alibaba Cloud, teknologi digital dan tulang belakang penyelidikan Alibaba Group.

Edgenta NXT terdiri daripada tiga tawaran utama - Edgenta NXT Cloud, Edgenta NXT Marketplace, dan Edgenta NXT Procure, yang menyediakan pelanggan akses kepada pilihan penyelesaian pengurusan berasaskan awan proprietari yang akan menghubungkan, mengoptimum dan menyelaraskan operasi perniagaan mereka.

Syahrizam berkata, "Platform yang dipacukan oleh teknologi seperti penjagaan kesihatan digital, infrastruktur dan penyelesaian pengurusan kemudahan pintar yang diterajui oleh Edgenta NXT akan memacu aliran pendapatan baharu dan mengubah nilai penyelesaian kami dalam bidang pengurusan fasiliti bersepadu dan penjagaan kesihatan. Kami optimis untuk memperkukuh *orderbook* dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Edgenta NXT adalah fasa pertumbuhan kami yang

seterusnya melalui produk baharu dan pengembangan pasaran, terutamanya dengan teknologi menjadi faktor utama ke arah membina perniagaan yang berdaya tahan pada masa hadapan dan mewujudkan pertumbuhan yang mampan. Justeru, kami berupaya mencipta nilai untuk perniagaan pelanggan kami."

Selain Edgenta NXT, Syarikat juga berhasrat untuk mencapai pertumbuhan pendapatan jangka panjang dengan berkembang ke pasaran pertumbuhan tinggi melalui strategi Pan Malaysia & GCC serta mengembangkan rantaian nilai dalam pasaran sedia ada di Singapura dan Taiwan. Dengan *orderbook* semasa Syarikat berada pada RM11.6 bilion, dan kontrak baharu yang diperolehi lebih daripada RM700 juta pada TK2021, UEM Edgenta bersedia untuk memacu kemampanan dalam penawarannya, seterusnya memperoleh pendapatan jangka panjang dan mengukuhkan kehadiran Syarikat di peringkat antarabangsa.

"Kami juga akan meneroka peluang untuk meneruskan kerjasama baharu, memperoleh perniagaan baharu dan mengembangkan portfolio kami dalam pasaran pertumbuhan melalui jalinan kerjasama. Kami akan turut menyasarkan dalam sektor perniagaan kami yang berpotensi untuk memacu fasa pertumbuhan seterusnya dan menawarkan penyelesaian teknologi bagi meningkatkan operasi kami," tambah Syahrudin.

#### ▪ **Pertumbuhan dalam Kemampanan Penjagaan Kesihatan Bersepadu**

Dalam menyokong usaha memerangi pandemik COVID-19 yang sedang melanda, UEM Edgenta terus menyediakan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan kepada semua hospital awam dan swasta di bawah jajaannya. Di kala negara sedang berusaha untuk meningkatkan usaha penilaian COVID-19, UEM Edgenta telah membangunkan Pusat Penilaian COVID-19 Swasta ("CAC") yang ditempatkan di UEM Edgenta Learning Centre ("UELC") di Petaling Jaya yang dikelolakan oleh QuickMed bagi membantu usaha Kerajaan. QuickMed adalah penyelesaian penjagaan kesihatan digital berasaskan awan yang dibangunkan untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kualiti penjagaan kesihatan dengan merapatkan jurang antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan dan orang awam. Platform penjagaan kesihatan pintar yang boleh diakses melalui peranti mudah alih ini menawarkan alternatif bagi sistem pengurusan kesihatan utama kepada klinik perubatan am.

Baru-baru ini, UEM Edgenta juga telah dianugerahkan kontrak *Home Quarantine Monitoring System* ("HQMS") oleh KKM untuk tempoh 16 bulan, yang disasar untuk ditempatkan di tujuh Pusat Penilaian COVID-19 dan tujuh Pejabat Kesihatan Daerah di Lembah Klang dan Seremban, Negeri Sembilan. UEM Edgenta akan membekalkan 30,000 unit tag *Radio-Frequency Identification* ("RFID") dalam bentuk peranti pengesanan elektronik kepada KKM yang akan membolehkan pemantauan dibuat 24 jam sehari. Perkhidmatan Pemantauan Pasif dan Pengawasan Aktif akan memastikan pematuhan penuh terhadap perintah kuarantin dengan kerjasama rakan niaga ekosistem tempatan seperti Armadillo Safety Sdn. Bhd. dan Envotach Sdn. Bhd.

CAC Swasta yang selesa untuk kemudahan orang ramai tersebut turut dilengkapi makmal bergerak *Polymerase Chain Reaction* ("PCR"), juga dikenali sebagai *Mobile On-Site Testing Facility* ("MOSTFAC"), adalah inisiatif UEM Edgenta dengan kerjasama rakan perniagaan untuk membantu Kerajaan mempertingkatkan ujian saringan PCR dengan menyediakan fasiliti mudah alih yang membolehkan pengesanan pantas virus COVID-19, serta pengurusan HQMS melalui penggunaan RFID *e-bracelets*.

Selain daripada menyediakan perkhidmatan sokongan penjagaan kesihatan yang penting, UEM Edgenta, bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia, telah membangunkan Unit Rawatan Rapi di Lapangan Hibrid, unit ICU bergerak yang lengkap dengan tenaga sendiri, oksigen dan bekalan air untuk kegunaan di lapan hospital, termasuk Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor.

-Tamat-

**Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.